

Graduan boleh sertai skim AIM

TEMERLOH: Perdana Menteri mahu Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) memperluaskan skim bantuannya yang khusus untuk membasmi kemiskinan tegar dengan mewujudkan skim graduan bagi membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan ekonomi.

Sambil mengumumkan tambahan peruntukan RM100 juta kepada AIM, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, AIM wajar menimbang untuk melaksanakan skim graduan itu walaupun ia mungkin bukan matlamat asal penubuhannya.

"Skim graduan ini adalah untuk mereka yang berpendapatan rendah bagi meningkatkan daya maju perniagaan diusahakan," katanya berucap pada majlis Sambutan 20 Tahun Kredit Mikro Ikhtiar di Malaysia dan pelancaran Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat AIM di Stadium Mini Temerloh, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis.

Menyifatkan AIM sebagai pengendali skim kredit mikro paling berjaya di dunia, Perdana Menteri berkata, tambahan peruntukan RM100 juta itu dibuat kerana kejayaan cemerlangnya mengeluarkan ahli daripada belunggu kemiskinan sejak 20 tahun lalu.

"Saya sifatkan 20 tahun pertama AIM sebagai cemerlang kerana berjaya membantu 153,000 ahlinya di seluruh negara dan peruntukan tambahan itu ialah sebagai galakan untuknya mencapai kejayaan lebih besar.

"Saya mahu lihat lebih ramai menjadi sahabat AIM dan berharap mereka yang berjaya hasil bantuan AIM dapat menggalakkan rakan lain men-

ceburi perniagaan untuk mencari pendapatan tambahan dan keluar daripada kemiskinan," katanya.

Perdana Menteri juga mencadangkan bantuan AIM tidak terhenti selepas peminjamnya keluar daripada kemiskinan, sebaliknya terus berusaha menyediakan skim yang dapat membantu meningkatkan pendapa-

FAKTA NOMBOR

Amanah Ikhtiar Malaysia

RM100j

Peruntukan tambahan

RM1.7b

Pembiayaan terkumpul

tan golongan berpendapatan rendah.

Katanya, golongan yang sudah berjaya melepasi tahap kemiskinan tegar itu perlu dibantu untuk memasuki kategori pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) supaya mendapat kejayaan lebih besar.

Sementara itu, katanya, sejak 1970-an iaitu ketika kadar kemiskinan di negara ini berada pada paras 50 peratus, kerajaan sentiasa berusaha mencari jalan membasminya termasuk menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Sehingga hari ini, pendekatan diperkenalkan Perdana Menteri ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein masih digunakan dan hasilnya kadar kemiskinan berjaya diturunkan kepada hanya 5.7 peratus," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan yakin dapat menghapuskan kemiskinan tegar sepenuhnya selewat-lewatnya pada 2010 dan sudah mengenal pasti projek yang akan dijayakan bagi mencapai matlamat itu.